

16 JUN 1997

Mahathir-Coxsackie

MAHATHIR NASIHAT ORANG RAMAI BERJAGA-JAGA TERHADAP VIRUS COXSACKIE B

By: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 16 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan orang ramai supaya mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak daripada terdedah kepada virus Coxsackie B yang telah mengorbankan 25 kanak-kanak di Sarawak sejak ia dikesan di Sibu 14 April lepas.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata keadaan belum lagi sampai ke tahap sehingga memerlukan sekolah-sekolah ditutup sementara waktu, seperti yang dicadangkan sesetengah pihak.

"Kita tidak tahu lagi punca (penyakit itu kerana). Ia satu penyakit yang 'rare' (jarang terdapat) dan tidak terdapat dengan begitu meluas," kata beliau pada persidangan berita di sini.

Dr Mahathir yang berada di Turki untuk menghadiri mesyuarat Kumpulan Kerjasama Lapan Negara Membangun Islam (D-8), berkata oleh kerana punca penyakit itu tidak begitu jelas, orang ramai perlu mengambil langkah sewajarnya supaya tidak terdedah kepada virus itu.

"Hanya yang diperlukan ialah kita perlu berjaga-jaga dan kita tidak pergi berjalan ke tempat-tempat yang boleh mendedahkan kita kepada penyakit," kata beliau.

Di KUALA LUMPUR minggu lepas, Kementerian Kesihatan telah mengesahkan bahawa penyakit yang menyerang di Sarawak itu adalah jangkitan virus Coxsackie B.

Dua orang pakar daripada Pusat Kawalan Penyakit dan Pencegahan dari Atlanta telah didatangkan khas untuk membantu mengenal pasti jenis sebenar virus itu di samping mencari penawarnya.

Jangkitan virus itu telah menyerang kanak-kanak yang berusia antara satu dengan tujuh tahun. Kebanyakan mereka menghidap demam panas, sesak nafas serta muntah-muntah.

Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut merupakan antara tanda-tanda jangkitan virus Coxsackie dan sebagai langkah berjaga-jaga, mangsa yang menghidap penyakit itu dimasukkan ke hospital agar virus itu tidak menyerang jantung yang menyebabkan kematian.

Sehingga kini, 91 kes penyakit Tangan, Kaki dan Mulut telah dimasukkan ke hospital kerajaan di Semenanjung Malaysia termasuk 24 yang masih di Hospital Kuala Lumpur (HKL) manakala sejumlah 111 kanak-kanak masih lagi berada dalam wad kerana disyaki telah dijangkiti virus tersebut.

Orang ramai telah dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan supaya tidak membawa anak-anak mereka di bawah umur tujuh tahun ke tempat-tempat awam yang sesak di samping menjaga kebersihan diri ketika menyediakan makanan dan minuman.

-- BERNAMA

HAK HJ NMO